



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2002

**PANDUAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT, PEMANGKUAN DAN
PENANGGUNGAN KERJA DALAM TEMPOH PERALIHAN
SISTEM SARAAN MALAYSIA**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pelaksanaan urusan kenaikan pangkat, pemangkuan dan penanggungan kerja dalam tempoh peralihan Sistem Saraan Malaysia iaitu dari 1 November 2002 hingga 31 Mac 2003.

LATAR BELAKANG

2. Sistem penggredan jawatan dan beberapa gred kenaikan pangkat yang baru telah diperkenalkan di bawah Sistem Saraan Malaysia yang berkuatkuasa mulai 1 November 2002. Urusan meminda gred perjawatan dari gred Sistem Saraan Baru (SSB) ke gred Sistem Saraan Malaysia sedang dilaksanakan. Kekosongan jawatan yang berlaku secara hakiki dalam tempoh peralihan tersebut memerlukan urusan kenaikan pangkat, pemangkuan dan penanggungan kerja terus dilaksanakan.

PANDUAN

3. Urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan dalam tempoh peralihan, iaitu dari 1 November 2002 hingga 31 Mac 2003, hendaklah dilaksanakan mengikut kaedah seperti berikut:

3.1 Pegawai Yang Memangku

- (i) Pegawai yang memangku sebelum 1 November 2002 boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred SSB yang sedang mereka pangku;
- (ii) Pegawai yang diluluskan memangku pada dan selepas 1 November 2002 sehingga 31 Mac 2003 boleh memangku jawatan gred kenaikan pangkat SSB dan seterusnya dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred yang sama.
- (iii) Selepas kenaikan pangkat dikuatkuasakan di bawah perenggan 3.1(i) dan (ii), gred SSB itu hendaklah diselaraskan ke gred Sistem Saraan Malaysia yang setaraf;
- (iv) Kedua-dua urusan di perenggan 3.1(i) dan (ii) di atas adalah tertakluk kepada terdapatnya kekosongan hakiki; dan
- (v) Urusan di perenggan 3.1(i) dan (ii) di atas tidak termasuk pegawai yang memangku bukan dengan tujuan naik pangkat.

3.2 Pegawai Dalam Pinjaman, Pertukaran Sementara Dan Bercuti Belajar Bergaji Penuh

Pegawai boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred SSB yang berkenaan dalam perkhidmatan hakikinya dengan syarat terdapat kekosongan hakiki dalam tempoh peralihan.

3.3 **Pegawai Dalam Klasifikasi Perkhidmatan Penyelidikan (Q)**

Pegawai yang telah memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat.

3.4 **Pegawai Perubatan Dalam Klasifikasi Perubatan Dan Kesihatan (U)**

Pegawai Perubatan yang telah diwartakan sebagai pakar pada atau sebelum 31 Mac 2003 boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat sekiranya terdapat kekosongan hakiki.

SYARAT

4. Pertimbangan kenaikan pangkat pegawai seperti yang dihuraikan di atas hendaklah tertakluk kepada syarat berikut:

- (i) memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan kecuali Penilaian Tahap Kecekapan (PTK);
- (ii) Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang baik bagi tiga (3) tahun terakhir;
- (iii) sokongan oleh Ketua Jabatan;
- (iv) bebas dari hukuman tatatertib;
- (v) lulus tapisan keutuhan Badan Pencegah Rasuah (BPR); dan
- (vi) telah mengisytiharkan harta.

5. Walau bagaimanapun bagi skim perkhidmatan yang mensyaratkan pegawai perlu menghadiri kursus sebelum dipertimbangkan kenaikan pangkat, syarat ini dikecualikan.

PELAKSANAAN URUSAN

6. Urusan kenaikan pangkat dalam tempoh peralihan bagi pegawai yang memenuhi syarat di perenggan 3 dan 4 di atas hendaklah disempurnakan tidak lewat dari 30 Jun 2003.

ELAUN PEMANGKUAN DAN PENANGGUNGAN KERJA

7. Mulai 1 November 2002, perkiraan elaun pemangkuan dan penanggungan kerja hendaklah berasaskan gaji Sistem Saraan Malaysia.

KENAIKAN PANGKAT DAN PEMANGKUAN SELEPAS 31 MAC 2003

Pengecualian Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

8. Mulai 1 April 2003 sehingga 31 Disember 2003, pegawai yang diberi pemangkuan dalam tempoh itu diberi pengecualian syarat lulus PTK. Walau bagaimanapun untuk tujuan kenaikan pangkat, pegawai perlu memenuhi syarat kenaikan pangkat seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan masing-masing mengikut Sistem Saraan Malaysia. Mulai 1 Januari 2004, urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat hendaklah mengikut Sistem Saraan Malaysia sepenuhnya.

TARIKH KUATKUASA

9. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 November 2002.

PEMAKAIAN


10. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini terpakai kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Pemakaiannya kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak

Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa berkenaan.

PENUTUP

11. Ketua Jabatan dinasihatkan supaya menghubungi Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai pelaksanaan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

Tarikh: 12 NOVEMBER 2002

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan